



## **SUSUNAN KEUTAMAAN PERSEKUTUAN**

### **1. Pengertian Susunan Keutamaan**

Susunan Keutamaan Persekutuan ialah satu Senarai dimana susunan kekananan diantara pelbagai golongan masyarakat disenaraikan. Susunan ini hendaklah dipatuhi dalam semua majlis rasmi kerajaan.

### **2. Pentingnya Susunan Keutamaan**

Kegagalan mengekalkan Susunan Keutamaan sebenar seseorang tetamu itu samalah seperti merendahkan martabatnya. Sejarah diplomasi adakalanya tercemar kerana berlakunya sesuatu peristiwa yang menimbulkan ketegangan dalam hubungan antarabangsa disebabkan kegagalan memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada pegawai yang mewakili sesebuah kerajaan.

Pengetahuan yang cukup mengenai Susunan Keutamaan amatlah perlu untuk mengendalikan perkara-perkara berikut :-

- a) Susunan Ketibaan dan kepulangan tetamu kenamaan dalam sesuatu majlis.
- b) Susunan Tempat Duduk dalam pelbagai majlis.
- c) Kata-kata Aluan.
- d) Susunan Bendera-bendera, lambang-lambang dan sebagainya.

3. **Jawatankuasa Susunan Keutamaan Persekutuan**

Susunan Keutamaan yang ada sekarang adalah atas perakuan sebuah Jawatankuasa yang terdiri dari :-

Pengerusi : Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,  
Jabatan Perdana Menteri.

**Ahli-Ahli :**

- i. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja
- ii. Datuk Paduka Maharaja Lela
- iii. Ketua Protokol,  
Kementerian Luar Negeri
- iv. Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri.
- v. Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Sumber Manusia  
Jabatan Perdana Menteri.

**Setiausaha :**

- vii. Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa,  
Jabatan Perdana Menteri.



**Urusetia :**

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa  
Jabatan Perdana Menteri

Perakuan-perakuan akan dikemukakan kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan sekiranya dipersetujui akan diangkatkan pula kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk perkenan. Setelah mendapat perkenan baharulah ianya diwartakan.

#### 4. **Prinsip-prinsip Atau Asas-asas Bagi Menentukan Taraf Seseorang**

Asas Pertimbangan dalam menentukan Susunan Keutamaan adalah seperti berikut :-

##### i. **Perlembagaan/Undang-Undang.**

Beberapa perkara mengenai Susunan Keutamaan telahpun ditetapkan dalam perlembagaan. Begitu juga yang diputuskan dan persetujuan oleh Kerajaan mengenai hubungan Antarabangsa dan penentuan-penentuan yang dibuat melalui undang-undang. Perkara ini tidak akan disentuh dan ianya diambil terus ke dalam Susunan Keutamaan Persekutuan.

##### ii. **Jenis Jawatan.**

Samada seseorang itu menjadi Ketua Perkhidmatan yang kedudukannya ada kaitannya dengan perlembagaan, Pentadbiran Negara, Istana, Majlis Raja-Raja ataupun kedudukannya yang istimewa di dalam perkhidmatan Kerajaan, adalah merupakan asas pertimbangan yang paling penting dalam menentukan kedudukan seseorang dalam Susunan Keutamaan.

##### iii. **Gred Jawatan dan Gaji**

Ini adalah taraf yang ditentukan kepada semua jawatan dalam perkhidmatan Awam. Kalau gaji lebih tinggi maka wajarlah tarafnya lebih tinggi. Namun demikian, gaji bukanlah merupakan satu faktor yang penting atau utama dalam menentukan Susunan Keutamaan.

#### iv. **Darjah Kebesaran**

Seseorang yang dikurniakan Darjah Kebesaran yang membawa gelaran seperti Tun, Tan Sri atau Datuk sewajarnya diberikan taraf yang setimpal dengan Darjah Kebesaran yang disandangnya.

#### v. **Kedudukan Dalam Masyarakat**


Pertimbangan juga diberikan berdasarkan kedudukan dalam masyarakat seperti misalnya dia menjadi Ketua Agama ataupun orang-orang yang berpengaruh.

#### vi. **Arahan Yang di-Pertuan Agong/Perdana Menteri**

Arahan-arahan tertentu sekiranya ianya dari Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri.

Sangatlah sukar untuk menentukan taraf kedudukan seseorang kerana asas pertimbangan yang tersebut di atas subjektif sifatnya. Subjektif dalam erti kata membuat perbandingan di antara satu dengan lain.

Sememangnya tidak ada asas yang saintifik ataupun *rational* atau *standard* yang digunakan untuk membuat penentuan taraf ini. Taraf kedudukan sesuatu jawatan itu mungkin dinaikkan jika sekiranya pengiktirafan yang lebih tinggi diberi oleh pihak berkuasa. Sungguhpun pengiktirafan ini tidak dapat dikira dari segi gaji seseorang, tetap ada kalanya sesuatu kedudukan itu dianggap penting dari segi amalan ataupun dari kaca mata politik dan sebagainya.



Dengan keadaan demikian, Susunan Keutamaan tidak pernah muktamad dan tidak pernah dapat memberikan kepuasan kepada semua pihak.

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 42**  
**No. 2**

**22hb Januari 1998 TAMBAHAN No. 4**  
**PERUNDANGAN (B)**

P.U. (B) 29

## **SUSUNAN KEUTAMAAN PERSEKUTUAN**


SUSUNAN Keutamaan Persekutuan dalam Jadual Pertama telah diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong dan disiarkan untuk makluman umum.


2.Susunan Keutamaan ini adalah tertakluk kepada catatan dalam Jadual Kedua.


3.Susunan Keutamaan Persekutuan yang disiarkan dalam P.U. (B) 498 bertarikh 14 November 1996 adalah dibatalkan.


(Perenggan 1)


1. Yang di-Pertuan Agong.
2. Raja Permaisuri Agong.
3. Raja-Raja dan Pemangku-Pemangku Raja.
4. Yang di-Pertua Negeri-Negeri.
5. Bekas-bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan Diraja daripada Kerajaan Persekutuan.
6. Perdana Menteri.
7. Timbalan Perdana Menteri
- Kehormat - 7A.* Bakal-bakal Raja (Y.T.M. Tengku Mahkota/Raja Muda).
8. Ahli-ahli Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.)
9. Ahli-ahli Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.)
10. Ahli-ahli Seri Setia Mahkota (S.S.M.)
- Kehormat - 10A.* Dato-Dato Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, Negeri Sembilan.
11. Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.


- 
12. Yang di-Pertua Dewan Negara.
  13. Yang di-Pertua Dewan Rakyat.
  14. Bekas-bekas Perdana Menteri.
  15. Bekas-bekas Timbalan Perdana Menteri.
  16. Ahli-ahli Jemaah Menteri.
  17. Setiausaha Jemaah Menteri/Ketua Setiausaha Negara.
  - Kehormat-17A.* Menteri-Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.
  18. Peguam Negara.
  19. Panglima Angkatan Tentera.
  20. Ketua Polis Negara.
  21. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
  22. Timbalan-Timbalan Menteri.
  23. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.
  24. Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Duta-Duta Besar, Menteri-menteri Yang Mutlak, Pemangku-Pemangku Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Kuasa-Kuasa Usaha.

- 
25. **Presiden Mahkamah Rayuan.**
  26. **Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya.**
  27. **Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.**
  28. **Ketua Pembangkang di Parlimen.**
  29. **Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan.**
  30. **Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan.**
  31. **Setiausaha-Setiausaha Parlimen.**
  32. **Bekas Ketua Setiausaha Negara.**
  33. **Pegawai-pegawai Gred Utama Turus I, II dan III.**
  34. **Bekas Peguam Negara, Bekas Panglima Angkatan Tentera dan Bekas ketua Polis Negara.**
  35. **Pengerusi-Pengerusi Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.**
  36. **Hakim Mahkamah Tinggi.**
  37. **Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam.**


- 
38. Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman.
  39. Ketua Audit Negara.
  40. Gabenor Bank Negara.
  41. Datuk Bandar Kuala Lumpur.
  42. Pengerusi Jawatankuasa Majlis Rasmi Kerajaan.
  43. Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  44. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.
  45. Datuk Paduka Maharaja Lela.
  46. Ahli-ahli Panglima Mangku Negara (P.M.N.)
  47. Ahli-ahli Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)
  48. Professor-professor Diraja.
  49. Ahli-ahli Panglima Jasa Negara (P.J.N.)
  50. Ahli-ahli Panglima Setia Diraja (P.S.D.)
- Kehormat - 50A.* Timbalan-Timbalan Menteri Besar/Timbalan-Timbalan Ketua Menteri.
- Kehormat - 50B.* Speaker Dewan-Dewan Undangan Negeri.

- 
51. Ahli-ahli Dewan Negara.
  52. Ahli Dewan Rakyat.
  53. Pegawai-pegawai Gred Utama “A” dan Pegawai-pegawai Tentera dan Polis yang setaraf dengannya.
  54. Panglima Tentera Darat.
  55. Panglima Tentera Laut.
  56. Panlima Tentera Udara.
  57. Timbalan Ketua Polis Negara.
  58. Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.
  59. Naid-Naib Canselor Universiti.
  - Kehormat - 59A.* Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Menteri-Menteri Negeri di Sabah/ Sarawak.
  60. Pegawai-pegawai Gred Utama “B” dan Pegawai-pegawai Tentera dan Polis yang setaraf dengannya.
  61. Pengerusi-Pengerusi Badan-Badan Berkanun Persekutuan dan Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan yang setaraf dengan Gred Utama ‘B’ dan ke atas.
  - Kehormat - 61A.* Penerima Anugerah Fellow Negara.

- 
62. Wakil-wakil Tempatan Bangsa-Bangsa Bersatu.
  63. Pegawai-pegawai Gred Utama “C”, Pegawai-pegawai Tentera dan Polis dan Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan yang setaraf dengannya.
  - Kehormat - 63A.* Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,
  64. Ahli-ahli Johan Mangku Negara (J.M.N.)
  65. Ahli-ahli Johan Setia Mahkota (J.S.M.)
  66. Ahli-ahli Johan Setia Diraja (J.S.D.)
  67. Pegawai-pegawai Gred I, Pegawai-pegawai Tentera dan Polis dan Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan yang setaraf dengannya.
  68. Setiausaha-Setiausaha Politik.
  69. Pegawai-pegawai Gred II dan Pegawai-pegawai Tentera dan Polis yang setaraf dengannya.
  70. Konsul-Konsul Besar negara-negara yang tiada Perwakilan diplomatik di Malaysia.



1.	Susunan Keutamaan dalam Jadual Pertama hendaklah diikuti dalam semua Majlis Rasmi Persekutuan.	
2.	Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri-Negeri mengambil keutamaan antara mereka sendiri mengikut Perkara 70 Perlembagaan Persekutuan.	Butiran 3 dan 4
3.	Orang yang dikurniakan Bintang Darjah Pangkuan Negara, Darjah Setia Mahkota, Darjah Jasa Negara atau Darjah Setia Diraja mengambil keutamaan dalam tingkatan mereka masing-masing mengikut tarikh pengurniaan. Ahli-ahli Kehormat mengambil keutamaan selepas semua ahli penuh.	Butiran 9, 10, 46, 47, 49, 50, 64, 65 dan 66
4.	Anggota Kumpulan Diplomatik mengambil keutamaan mengikut tingkatan mereka masing-masing mengikut kelaziman diplomatik.	Butiran 24.
5.	Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman mengambil keutamaan antara mereka sendiri mengikut seksyen 8 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.	Butiran 25, 26, 27, 29, 30, 36 dan 38



6.	Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri mengambil keutamaan antara mereka sendiri mengikut keutamaan Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri-Negeri mereka.	Butiran 17A
7.	Setiausaha-Setiausaha Parlimen dan Setiausaha-Setiausaha Politik mengambil keutamaan antara mereka sendiri mengikut keutamaan Menteri-Menteri mereka.	Butiran 31 dan 68.
8.	Pegawai-pegawai Gred Utama Turus I, II dan III, Pegawai-pegawai Gred Utama 'A', 'B' dan 'C', Pegawai-pegawai Gred I dan II mengambil keutamaan antara mereka mengikut tarikh perlantikan mereka. Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam, Tentera dan Polis mengambil keutamaan dalam tingkatan mereka masing-masing mengikut tarikh kemasukan mereka dalam tingkatan itu. Dengan syarat bahawa penyandang-penyandang jawatan memangku mengambil keutamaan selepas semua penyandang hakiki dalam tingkatan yang sama.	Butiran 33, 53, 60, 63, 67 dan 69.
9.	Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat mengambil keutamaan antara mereka sendiri mengikut susunan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong.	Butiran 51 dan 52.

10.	Pengerusi-Pengerusi Suruhanjaya mengambil keutamaan antara mereka mengikut tingkatan mereka masing-masing dan tarikh pelantikan mereka.	Butiran 35
11.	Naib-Naib Canselor Universiti, Pengerusi Badan Berkanun Persekutuan dan Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan mengambil keutamaan antara mereka sendiri mengikut tingkatan mereka masing-masing dan tarikh perlantikan mereka.	Butiran 59, 61 dan 63
12.	Seseorang yang berhak kepada lebih daripada satu tempat dalam Jadual Pertama mengambil keutamaan mengikut tempat yang tertinggi, misalnya seorang Pengerusi Badan Berkanun Persekutuan yang juga merupakan ahli Panglima Mangku Negara, mengambil keutamaan mengikut butiran 46 dan bukannya di butiran 61.	
13.	Tertakluk kepada catatan 12, isteri-isteri mengambil keutamaan sama seperti suami-suami mereka dan suami-suami mengambil keutamaan sama seperti isteri-isteri mereka.	
14.	Orang yang tidak disebut dalam Jadual Pertama akan mengambil keutamaan mengikut kelaziman yang ditetapkan tertakluk kepada apa-apa panduan khas yang diberikan oleh Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.	
15.	Jika timbul apa-apa keraguan tentang pemakaian Jadual Pertama, rujukan hendaklah dibuat kepada Jabatan Perdana Menteri atau berkenaan dengan butiran 24, 62 dan 70, kepada Kementerian Luar Negeri.	